

UMS sahkan berlaku pencemaran tangki air di kolej kediamannya

Oleh [Izwan](#) - November 10, 2023 @ 6:22pm



Gambar tangkap layar menunjukkan tangki air yang dipenuhi ulat, didakwa berlaku di kolej kediaman UMS di Kota Kinabalu.

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengesahkan berlaku pencemaran di sebuah tangki air kolej kediamannya di sini, yang membekalkan sumber air telaga tiub.

Menerusi satu kenyataan dikeluarkan Pusat Komunikasi Korporat UMS, hari ini, pengurusan universiti itu menjelaskan pencemaran berkenaan dikesan selepas siasatan berhubung satu video tular penemuan ulat dalam tangki air yang didakwa berlaku di kampusnya, di sini.

"Pihak UMS mengambil maklum akan sebuah klip video yang dimuat naik di media sosial, baru-baru ini, berkaitan pencemaran tangki air di salah satu kolej kediaman pelajar di kampus UMS.

"Susulan daripada klip video ini, pihak pengurusan UMS melalui Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) telah menjalankan siasatan terhadap kesahihan dakwaan seperti dinyatakan dalam video berkenaan.

"Pihak JPP mengesahkan bahawa kejadian berlaku terhadap salah satu tangki air di Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae (KKTPAR) UMS," katanya.

Bagaimanapun, katanya, tangki yang terjejas itu adalah tangki dari sumber air melalui sistem telaga tiub dan tidak menjaskan sumber air yang disalurkan dari Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) yang menjadi sumber utama kegunaan harian pelajar.

Berikutan kejadian itu, katanya, JPP UMs mengarahkan kontraktor penyelenggaraan untuk mengosongkan tangki terbabit.

"Pihak JPP juga telah mengarahkan kontraktor penyelenggaraan agar sentiasa memantau setiap fasiliti bangunan di UMS bagi mengelakkan sebarang risiko keselamatan dan kesihatan, khususnya kepada warga pelajar UMS.

"Pihak pengurusan UMS akan terus memantau perkembangan pelajar di KKTPAR bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas dan tidak mengganggu pembelajaran serta kehidupan sehari-hari pelajar sepanjang berada di kolej kediaman," katanya.

Klip video terbabit yang disebarluaskan melalui TikTok menunjukkan keadaan tangki air yang dipenuhi ulat hingga menimbulkan rasa jijik terhadap sesiapa yang melihatnya.